



No. Rujukan : KUIM/KEW/PINJ/PTPTN/2020

Tarikh : 21 Ogos 2020
02 Muhamarram 1442H

Assalamualaikum wr.wb / Salam Sejahtera

TAJUK	EDARAN BORANG PERMOHONAN BANTUAN ONE-OFF RM1,000 BAGI ANAK MELAKA/ PEMASTAUTIN TETAP (MENGIKUT SYARAT YANG DITETAPKAN)
KEPADA	Semua Mahasiswa/ Mahasiswi Semester 1 (Anak Melaka)
DARIPADA	Penolong Pendaftar (Pejabat Bendahari)
SALINAN KEPADA	YBhg Naib Canselor Timb. Naib Canselor Peng. Korporat, Penyelidikan & Inovasi Pengarah Hal Ehwal Akademik Timb. Naib Canselor HEPA Semua Dekan Fakulti (FKSK/FSS/FKI/FIPT/FPH/FUG/FBP) Ketua Unit Teknologi Maklumat - mohon paparkan di laman sesawang KUIM Pegawai Penempatan Pembantu Tadbir Fakulti – mohon sebar maklumat kepada pelajar Pemangku Presiden MPP

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan bagi Bantuan One-off RM1,000 telah dibuka dan borang permohonan tersebut akan mula diedarkan pada **25 Ogos 2020 (Selasa) di Pejabat Bendahari.**

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama mahasiswa/i semester 1 (Anak Melaka) untuk mengambil borang permohonan dan menyerahkan semula borang tersebut bersama salinan dokumen yang diperlukan (sila rujuk muka hadapan Borang Permohonan) **sebelum atau pada 07 September 2020 (Isnin)** di Pejabat Bendahari. Permohonan juga dibuka bagi pelajar yang telah bermastautin di Melaka lebih 10 tahun.

4. Untuk makluman, **salinan dokumen** yang dilampirkan akan disahkan oleh Pegawai KUIM gred 41 ke atas. Bagi mahasiswa/i yang ibubapa atau penjaga tidak bekerja atau bekerja sendiri, perlu mendapatkan pengesahan pendapatan dari Pengerusi JAPERUN/ Ketua Kampung/ Penghulu/ Sidang dan diminta untuk lampirkan bersama borang permohonan.

Perhatian dan tindakan daripada siswa/i didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

(ZALINAH BINTI HAJI RAMLI)